# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# AHAD 26 MEI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | SALAHUDDIN: AGRICULTURE MINISTRY PROMOTES FRAGRANT RICE PLANTING, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 2. | PENIAGA, PEMBELI DAPAT MANFAAT, SENTRAL, SH -21 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3.<br>4. | NAFAS SUDAH KEMUKA PELAN PERNIAGAAN KEPADA MOA – SALAHUDDIN, NEWS, BERNAMA -4<br>NAFAS BUSSINESS PLAN SUBMITTED TO MOA – SALAHUDDIN, NEWS, BERNAMA -4 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 5. | LPP CHANGES TO GO AHEAD, NEWS, DAILY EKSPRESS -5 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11. | LANGKAWI BAKAL JADI PENGELUAR BERAS PULUT UTAMA MALAYSIA, NASIONAL, SH -2<br>LANGKAWI PENGELUAR BERAS PULUT, DALAM NEGERI, UM -4<br>KERAJAAN USAHA TINGKAT PELABURAN ASING, MUKA DUA, BH -2<br>A NEW PLAN FOR LANGKAWI, NATION, STAR -2<br>DIFFERENT LOOKS FOR NEW AND OLD GINGER PLANTATIONS, NEWS, CHINA PRESS (EAST COAST) -C1, C6<br>KUCING, ANJING, MONYET DAN APA LAGI?, RENCANA, MINGGUAN MALAYSIA -18 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Salahuddin: Agriculture Ministry promotes fragrant rice planting | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 26 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 417 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,245 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 15,736 |



### 沙拉胡丁：提高稻农收入

# 农业部推广香米种植

(巴西富地25日讯) 农业及农基工业部将致力推广国内的香米 (MRQ 76) 种植，以期给稻农带来更高收入。

部长拿督沙拉胡丁披露，该部将通过慕达农业发展局(MADA)和哥姆布农业发展局(KADA)，在满足土质和排水需求的部分地区，先行推行上述种植计划。

他日前走访巴西富地，与士里辛稻农交流后，如是指出。

他希望上述机构尽快制定综合行动计划，鉴定各自机构有多少土地适合种植香米。

他也希望借由香米种植，增加农民收入之余，也协助提升国家的稻米生态，确保不再依赖特有的几种类型。

## 丹可产优质香米

他表示，该部将透过大马农业发展研究所（MARDI）进行更深入的研究，毕竟不是所有的田坵都适合种植香米，因为部分土地可能引发疾病的感染。

他也说，吉兰丹已经证明可生产出如邻国，即泰国和越南的优质香米。因此，应积极朝这个新领域前进，让我国成为优质大米的供应商。

随行者包括哥姆布农业发展局董事主席拿督胡山慕沙，以及吉兰丹香米发展协会主席再兰阿旺。

会上，沙拉胡丁也同意，香米稻农可享有与普通稻农相同的津贴。

他指出，这之前，该部确实不鼓励香米种植，但看见丹州的成功，所以才同意扩大国内的香米种植区。而这对于推动我国香米产业发展，是一个令人兴奋的开端。



沙拉胡丁（右）希望推广国内的香米种植，右二为胡山慕沙。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/5/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 21 |

# Peniaga, pembeli dapat manfaat

***Program My Best Buy pasar produk tanpa khidmat orang tengah***

NORAFIZA JAAFAR

**SELAYANG**

Pembeli dan peniaga mendapat manfaat menerusi program *My Best Buy* anjuran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang dilaksanakan sejak 2014 di lokasi-lokasi terpilih.

Timbalan Ketua Pengarah FAMA Pembangunan Usahawan, Basri Josmo berkata, program tanpa menggunakan perkhidmatan orang tengah membantu petani dan penternak memasarkan produk terus kepada pengguna dengan harga berpatutan.

Menurutnya, ia turut membantu pengguna mendepani kos sara hidup dengan penjimatan antara lima hingga 20 peratus dari harga pasaran.

"Program bergerak *My Best Buy* diadakan di lokasi terpilih bergantung kepada permintaan penduduk setempat. Jika sambutan diterima memberangsangkan ia akan diadakan secara bulanan di lokasi sama.

"Program ini antara lain melibatkan pengisian jualan produk segar ladang kontrak, bazar peduli rakyat dan harga runtuh pada waktu *happy hour*," katanya pada My Best Buy Pra Aidilfitri dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Templer, Sany Hamzan di pekarangan Surau Nur Al Syura, Bandar Baru Selayang semalam.



Sany (dua dari kanan) meninjau gerai jualan di My Best Buy Pra Aidilfitri di Bandar Baru Selayang semalam

Turut hadir, Pengarah FAMA Negeri Selangor, Datuk Abdul Ghariff Ramin.

Katanya, My Best Buy Pra Aidilfitri berbaki enam lokasi, menyusul di Stadium Melawati Shah Alam hari ini dirasmikan Exco Insfrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Ir Izham Hashim.

"FAMA sentiasa mengemas kini lokasi penganjuran *My Best Buy* menerusi hebahan di akhbar dan media sosial serta edaran risalah di kawasan terlibat.

"Kita berusaha melibatkan banyak penyertaan daripada petani dengan matlamat petani mendapat hasil lebih dari sepatutnya sementara pengguna juga dapat penjimatan," katanya.

Sementara itu, Sany yang juga Ahli Lembaga Pengarah FAMA berkata, sekurang-kurangnya 20 gerai dibuka pada pelancaran mini My Best Buy Pra Aidilfitri di Selayang sebagai kemudahan penduduk mendapatkan keperluan perayaan.

"Pada hari ini (semalam) pembeli berpeluang menikmati tawaran harga berpatutan seperti kerepek, biskut raya, buah-buahan termasuk harumanis dengan harga lebih rendah dari pasaran. Turut ditawarkan harga ayam standard RM6.90 berbanding RM7.50 di pasaran.

"Saya harap program seperti ini diperbanyakkan untuk memudahkan pengguna," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nafas sudah kemuka pelan perniagaan kepada MOA - Salahuddin | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 26 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Nafas sudah kemuka pelan perniagaan kepada MOA - Salahuddin

JOHOR BAHRU, 26 Mei (Bernama) -- Kepimpinan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) telah mengemukakan pelan perniagaannya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bulan lepas, kata Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub.
Katanya pelan tersebu...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Nafas business plan submitted to MOA - Salahuddin | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 26 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Nafas business plan submitted to MOA - Salahuddin

JOHOR BAHRU, May 26 (Bernama) -- The leadership of the National Farmers' Association (Nafas) has submitted its business plan to the Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MOA) last month, says its Minister Datuk Salahuddin Ayub.
He said the plan c...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | LPP changes to go ahead | | |
| MediaTitle | Daily Express - Malaysia (dailyexpress.com.my) | | |
| Date | 26 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 6 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# LPP changes to go ahead

KUALA LUMPUR: The amendments of the Farmers' Organisation Regulations 2019 are for the good of all parties under the Farmers' Organisation Authority (LPP) said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.
Salahuddin said the leader...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/5/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Langkawi bakal jadi pengeluar beras pulut utama Malaysia



Dr Mahathir (tengah) dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali (dua dari kanan) pada majlis pelancaran KIDA di Langkawi semalam.

**LANGKAWI** - Langkawi berpotensi menjadi pengeluar beras pulut utama di Malaysia melalui projek penanaman padi pulut dijangka dilaksana pada September depan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, projek tanaman padi pulut itu dilaksanakan demi mengurangkan kebergantungan negara kepada beras pulut import, sekali gus meningkatkan pendapatan petani.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian akan mengenal pasti dan menyediakan kawasan luas untuk tujuan penanaman padi pulut sebagai projek berasingan daripada tanaman padi biasa.

"Melalui projek itu, kita yakin ia mampu menjana pendapatan untuk penduduk, sekali gus menjadikan Langkawi sebagai pengeluar beras pulut utama negara.

"Projek berkenaan diyakini menjanjikan pulangan lumayan dan meningkatkan pendapatan petani memandangkan harga beras pulut lebih tinggi dari harga beras biasa," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran KIDA di Kompleks Angkatan Pertahanan Awam (APM) Langkawi di sini semalam.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Langkawi berharap penduduk Langkawi dapat menyahut seruan kerajaan untuk mengusahakan tanaman padi pulut itu.

Dr Mahathir berkata, penduduk Langkawi juga disarankan tidak mengimport bekalan dari luar sebaliknya menanam sayur-sayuran sendiri kerana ia memiliki permintaan tinggi termasuk hotel-hotel di daerah itu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Langkawi pengeluar beras pulut negara

**LANGKAWI 25 Mei** - Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu Pulau Langkawi menjadi pusat pengeluaran beras pulut terbesar negara sekali gus mampu mengurangkan kebergantungan bekalan itu dari negara jiran.

Perdana Menteri berkata, usaha tersebut sudah dimulakan oleh Jabatan Pertanian yang mengenal pasti lokasi bersesuaian untuk mengusahakan tanaman itu secara berasingan daripada padi biasa.

Menurut beliau, usaha itu juga dijangka boleh meningkatkan tahap ekonomi penduduk tempatan kerana harga beras pulut yang kini lebih tinggi di pasaran.

"Petani boleh meraih pendapatan tambahan sekiranya mereka mahu menyahut saranan menanam padi pulut ini di samping tanaman padi biasa.

"Sekiranya berjaya, kita harap produk ini dapat menjadikan Langkawi sebagai pulau pengeluar padi pulut terbesar," katanya.

Dr. Mahathir menambah, bukan sahaja penanaman padi pulut mampu mengubah nasib para petani di pulau ini, bahkan tanaman sayur-sayuran turut bergantung kepada sumber luar ketika ini.

Menurut beliau, ini terbukti apabila sektor perhotelan di Langkawi terpaksa mengambil sayur-sayuran dari tanah besar dan negara jiran yang merugikan pelbagai pihak.

"Sebaliknya kalau penduduk Langkawi rajin tanam sayur-sayuran, maka ia akan dapat meningkatkan pendapatan yang jauh lebih tinggi dan lumayan kepada mereka yang sanggup berusaha.

"Malah, saya yakin bagi yang menjadi peladang sejak sekian lama dan sudah berusia mungkin tak mampu lagi, jadi anak-anak mereka patut berusaha supaya menambah pendapatan yang boleh juga diagih kepada keluarga masing-masing," ujarnya.

Terdahulu, dalam majlis itu, Dr. Mahathir menyampaikan bantuan bencana kemarau kepada sebanyak 140 petani dalam Parlimen Langkawi yang mengalami kerugian akibat bencana kemarau berpanjangan sejak Disember lalu hingga Mac tahun ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/5/2019 | BERITA HARIAN | MUKA DUA | 2 |


# Kerajaan usaha tingkat pelaburan asing

## Kebergantungan produk import dikurangkan bagi perkukuh nilai ringgit: PM


**Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Hamzah Osman**
bhnews@bh.com.my


**Langkawi**

Kerajaan akan berusaha mempertingkatkan pelaburan asing dan mengurangkan kebergantungan kepada produk import bagi memperkukuhkan nilai ringgit, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, selain menarik pelaburan asing yang mampu memberi pekerjaan kepada rakyat, Malaysia perlu mengeluarkan sendiri produk asas seperti sayur-sayuran, buah-buahan, hasil laut dan ternakan bagi mengelak pengaliran ringgit ke luar negara.

"Kita perlu bebas daripada barangan import dengan cara mengeluarkan produk dalam negara yang dapat memperkukuhkan ekonomi dan jika ekonomi kukuh, ringgit akan menjadi sihat.

"Dalam jangka pendek, kerajaan akan berusaha mencari pelaburan luar yang mampu memberi pekerjaan dan membantu memperkukuhkan ringgit kembali," katanya pada Majlis Penyerahan Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) di Kompleks Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) di sini, semalam.

Petang kelmarin, ringgit ditutup pada paras 4.1870/1900 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), iaitu kerugian bagi empat minggu berturut-turut susulan penurunan harga minyak mentah yang memburukkan unjuran kewangan Malaysia.

*Dr Mahathir menyampaikan replika Kad Kasih Ibu Darul Aman (KIDA) kepada Pegawai Daerah Langkawi, Muhamad Arof Darus (kanan) pada Majlis Penyerahan KIDA Daerah Langkawi sambil diperhatikan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Seri Jebasingam Issace John di Langkawi, semalam.*

(FOTO BERNAMA)



> "Dalam jangka pendek, kerajaan akan berusaha mencari pelaburan luar yang mampu memberi pekerjaan dan membantu memperkukuh ringgit kembali"
>
> **Dr Mahathir Mohamad,** *Perdana Menteri*

Mengulas mengenai lambakan pekerja asing di negara ini, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak dapat menolak kebergantungan itu kerana majoriti rakyat enggan melakukan kerja yang dilakukan warga asing.

### Lambakan pekerja asing

Perdana Menteri berkata, lambakan pekerja asing juga menjadi antara sebab ringgit menjadi lemah akibat berlaku pengaliran wang ke luar negara yang besar ketika ini.

"Ya, kita ada bincang dalam mesyuarat Kabinet dan kerajaan memang hendak hapus pekerja asing tetapi tidak dapat sebab rakyat kita tidak sanggup bekerja.

"Kita faham jika rakyat tidak mahu kerja berat seperti membina bangunan tetapi kerja di restoran dan pasar raya yang berhawa dingin pun kita tidak mahu," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Langkawi bakal menjadi pengeluar beras pulut utama negara menerusi projek penanaman padi pulut berskala besar yang dijangka bermula September ini.

Dr Mahathir berkata, langkah itu bertujuan meningkatkan pendapatan petani selain mengurangkan kebergantungan negara kepada beras pulut import.

### Tanam padi pulut

"Usaha ini akan dimulakan Jabatan Pertanian dengan menyediakan kawasan yang luas untuk ditanam padi pulut, iaitu projek berasingan daripada tanaman padi biasa.

"Memandangkan harga pulut lebih tinggi daripada beras biasa, projek ini menjanjikan pendapatan lumayan kepada petani yang bersedia menyahut saranan kerajaan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri mengumumkan bantuan RM290,000 kepada 140 petani di Langkawi yang terjejas selepas sawah mereka kering akibat kemarau di antara Disember dan Mac lalu.

"Sebanyak 219 hektar tanah sawah terjejas akibat bencana itu, dan bantuan yang disalurkan ini dapat meringankan beban yang ditanggung mereka," katanya.

Keseluruhannya, Langkawi memiliki sawah seluas 2,700 hektar dengan bilangan pesawah seramai 1,300 orang.

Pada majlis sama, Dr Mahathir turut menyerahkan 48 kad KIDA kepada penerima sekitar Langkawi yang membolehkan mereka menerima bantuan kewangan RM250 sebulan, selain RM500 setahun untuk rawatan kesihatan sekeluarga.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/5/2019 | STAR | NATION | 2 |

# A new plan for Langkawi

## PM wants island to become major glutinous rice producer

**LANGKAWI:** The Prime Minister hopes to turn Langkawi into a major producer of *pulut* or glutinous rice.

Tun Dr Mahathir Mohamad said the Agriculture Department was in the process of identifying areas suitable for growing glutinous rice, separate from the traditional padi fields.

"If successful, it (the project) will be able to generate a good income for Langkawi residents and make the island a producer of glutinous rice.

"This is our hope because I believe the price of glutinous rice is higher than the price of ordinary rice.

"As such, farmers can increase their income if they plant glutinous rice," Dr Mahathir told a press conference after handing out Kasih Ibu Darul Aman (Kida) Langkawi cards to 48 recipients at the Civil Defence Complex here yesterday.

Also present were his wife Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, Juhari Bulat and Mohd Firdaus Ahmad, the state assemblymen for Ayer Hangat and Kuah respectively.

Dr Mahathir, who is the Langkawi MP, also suggested that residents on the island grow vegetables because of the high demand.

"There are many hotels in Langkawi. They are forced to import from the mainland or other countries. This is detrimental to us.




**One for the mothers:** Dr Mahathir handing over a mock Kida card to Langkawi district officer Muhamad Arof Darus at the Langkawi District Civil Defence Complex. Looking on is Datuk Seri Jebasingam Issace John, the CEO of Northern Corridor Implementation Authority. – Bernama

"If Langkawi residents are diligent in cultivating vegetables, it will generate a much higher income.

"We will introduce vegetable cultivation in stages. It will be a good source of income for those willing to work hard," Dr Mahathir said.

Commenting on the Kida card, the Prime Minister said card holders could seek treatment at four clinics and obtain essential items at five stores registered under the programme.

"We care about the problems of the people, especially those who are weak (ill) and with low incomes.

"We are ready to help but hope the assistance will be temporary because in Malaysia, we like to see independent people who don't rely on the government." — Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Different looks for new and old ginger plantations | | |
| MediaTitle | China Press (East Coast) | | |
| Date | 26 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 10,592 |
| Page No | C1,C6 | Readership | 31,776 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 2574 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 35,256 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 105,768 |





■进入新地的沿河山路，有深坑，需涉水而过



■原有姜地已有规划及建好灌溉系统。

·武吉丁宜23碑709畝薑地被收回·

# 新地荒山野林 舊區景色怡人 新舊薑地大不同

■现有姜地种植有序，呈现景色怡人的一面。

文冬

报导：何健良

（文冬25日讯）武吉丁宜新、旧姜地大不同！原有23碑709亩姜地已开发成一个景色怡人种植区，彭亨州政府给姜农献议的新地（大港尾）却是荒山野岭，甚至是峭壁险地。一旦姜农被迁往，只能再次的成为开荒牛，未来前景难以预料。

《中国报》记者分别前往23碑709亩姜地，以及新地段（大港尾）进行观察，揭开了新、旧姜地的面纱。

原有姜地规划有序[illegible]，可媲美金马仑高原的农园美景，绝对是一片可以发展成为旅游区的好地方，却将会受到各方财团虎视眈眈。

文转C6





■相信是新地的边界，周岳良指出河流上游区的石墩（测量点）。

## 新薑地險峻路不通

新的姜地座落在大河（SUNGAI TANGLIR）之尾，当地人多把该区称作为大港尾，该区除了极小部分在数十年前有农民垦荒开垦种植，大部分仍是一片未经开发的森林区。

农民形容新地是一片险峻山地，不只是没有公路可通行，一些地方还有峭壁，人们可说需经过"九弯十八弯"才可以进到新姜地。

目前可以通过山路或泥路进到该区，不过，欲进到新姜地的中心地点，还可能遇上山石挡路，山路也常会面对树木倒塌问题。由于山路不平坦，多处还有深坑，遇上雨天还会面对洪水掩盖山路截断交通等问题。

由于地势险峻，除了专走山路的四轮驱动车进去以外，其余车辆都无法驶进这片新地段。



## 60%山石地不適合種植

"被献议替代23碑姜地"的新姜地，位于彭亨州园坵发展局（[illegible]）土地的旁边，但彭亨州园坵发展局的土地除了有一条公路建好以外，基本上还未有开发；要进到新姜地需先经过该片土地，或者经另一条更为偏僻的山路进入，不管是采用哪一条山路都不好走。不过，日后当地若成为替代23碑姜地的新区，或开辟有另一条公路进到新区。

新姜地的边界有一条河流，目前河的上游还建有一座坝，根据该河边的石墩（测量点），估计新姜地是从坝的旁边划起。

根据地势以及姜农掌握的地质情况，新姜地是彭亨州园坵发展局土地的后山区，既"翻过一座山"的后方森林区，有关山区斜度比现有姜地高，该作开发工作绝不是简单的事。

姜农说，新地的石头区估计占60%，意味着土地上的石质较高，不适合种植，既使进行开发，可能也只有约[illegible]的土地适合用作种姜及蔬菜。



←进入新姜地的山路与泥路不平坦。

↑进入新姜地可经彭亨州园坵发展局土地的2条山路



■新姜地是在武吉丁宜区「深远」的山区。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Different looks for new and old ginger plantations | | |
| MediaTitle | China Press (East Coast) | | |
| Date | 26 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 10,592 |
| Page No | C1,C6 | Readership | 31,776 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 2574 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 35,256 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 105,768 |

· 新舊薑地大不同 ·

文接C1

# 被“相中”發展旅遊區

占地709亩的姜地大部分是斜坡，可想而知，当初姜农开发这一片土地花费了不少的心机。经过约11年的开垦和经营，目前这一片土地可说是山明水秀，深具特色，正是可让姜农引以为傲，以及象征著武吉丁宜姜耕业发展的成就。

该片姜地有一条主干公路直通山顶，是由农民出钱出力，几经辛苦而建成的，主干公路两旁各有分岔路可进到各自的园地，基本上交通已不是问题，姜地也建设好排水系统，并有完善的灌溉系统，可直接给种植品输送水份，对于姜农而言，今日人们所看到的这一片姜园与菜园，正是他们用心血砌堆而成的美丽园地！

姜地地势略高，邻近真德拜及云顶高原，最高之处还可以看到吉隆坡市景，附近地区都是被鉴定为深具潜能的旅游区，所以这片土地因此被“相中”，欲发展成为旅游区。

根据彭亨州政府接获的献议书，有关姜地被收回之后，将划出500亩推行旅游发展计划，一旦计划成功推行，将让武吉丁宜崛起成为继云顶、金马仑高原与福隆港之后，另一个拥有高原特色的旅游重点区。



■23碑姜地的景色可媲美金马仑高原。



←农民协会从远处视察新地段的位置和地势。

## 農民協會實地考察

武吉丁宜农民协会筹委会主席周岳良、理事杨亚龙及一名李氏姜农，实地考察了新姜地，并向该新区附近一带种植的农民了解新地所在位置及森林实况。

周岳良指出，获献议的新地，对于种植而言，并不会比现有的理想，如果政府硬要农民搬到这个新地段，估计最终能够真正参与开发新地的将会很少。

他指出，一些老姜农在70年代与80年代初，曾有过在该片新地种植的经验，他们普遍上认为，新地段不适合种姜，强行种植也不能保证能够种出有品质的姜。

他说，该会将继续向农业部与森林局跟进整个课题的进展，希望取得更多讯息，以解开姜农对新地的疑团。

他说，原则上大家都坚守不搬迁的立场，该会将继续与州政府交涉，以及提呈备忘录，并将以姜农的整体决定作为最终决定。



↓周岳良向黄氏农民了解更多有关新地的讯息。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/5/2019 | MINGGUAN MALAYSIA | RENCANA | 18 |

# Kucing, anjing, monyet dan apa lagi?


CAKAP BIAR TERANG

FAUZIAH AROF

fauziaharof@yahoo.com




DAH monyet pula? Agaknya kalau ada gajah, zirafah, badak atau unta sekali pun di depan mata, haiwan ini berkemungkinan turut menjadi mangsa dera dan bunuh. Cuma mungkin harimau atau singa, si pendera haiwan gerun. Iyalah, sebabnya, takut belum sempat didera sudah kena baham. Begitulah tahap yang boleh saya sifatkan agak kritikal juga penderaan haiwan di negara ini. Saya tidak suka guna istilah kes 'terkawal'. Tiada istilah terkawal atau terpencil untuk apa-apa kes jenayah. Semuanya mesti diambil serius!

Di negara ini, tak kira haiwan apa pun, perlakuan dera terhadap makhluk yang juga ciptaan Tuhan ini memang cukup sadis dan bukan isu baharu. Yang biasa kita dengar dan lihat adalah penderaan kucing atau anjing. Sudah banyak kes. Tak sanggup saya perincikan satu persatu. Boleh menganggu emosi.

Baru-baru ini satu rakaman video berdurasi 20 saat menjadi tular yang memaparkan seorang lelaki menembak seekor monyet dalam sangkar kerana enggan bercakap 'baby sayang'. Menerusi rakaman video, lelaki itu mengugut dan menyuruh seekor monyet bercakap perkataan 'baby sayang' dan menembak monyet itu kerana tidak berbuat demikian. Berikutan penularan itu, polis menahan dua lelaki di Setiawan, Perak yang dipercayai terlibat dalam kes ini.

Daripada dipukul, diracuni, dilanggar dengan kenderaan, dimasukkan ke dalam mesin basuh, ditembak sehinggalah dijadikan makanan, sudah macam-macam penderaan dan kekejaman dilakukan oleh manusia terhadap haiwan. Itu yang kita nampak ditularkan dalam media sosial. Yang kita tidak nampak, entah apa pula. Semuanya jelas dilakukan dengan sengaja. Sengaja mahu melihat haiwan itu mati di depan mata dengan tidak ada sebab apa-apa. Saja-sajalah kata orang, macam dah tak ada kerja lain.

Dan ada pula yang menganggap perbuatan ini sebagai satu hiburan dan keseronokan. Macamlah dalam dunia ini sudah tiada lagi hiburan. Walhal dalam banyak hal, ramai saja yang mudah sangat terhibur walaupun tiada unsur-unsur hiburan dalam sesuatu isu, kejadian ataupun lawak, mereka boleh ketawa, walaupun tak kelakar.

Apa pun, perbuatan kejam membunuh dan mendera haiwan tidak harus didiamkan apatah lagi dibiarkan dengan beranggapan hanya nyawa manusia saja yang cukup berharga, amat penting dan

> *"Memang patutlah kes penderaan haiwan ini di negara ini dilayan sama rata dengan jenayah lain. Sama seperti jenayah yang melibatkan nyawa dan keselamatan manusia. Kalau dipandang remeh, akan menjadi-jadi pula.*

boleh hidup di muka bumi ini. Haiwan tak penting. Hidup, makan atau mati, jangan peduli. Sedangkan dalam al-Quran ada disebut: *"Dan tiada satu pun di antara haiwan melata di bumi atau pun burung terbang dengan dua sayapnya melainkan mereka juga umat-umat seperti kamu; tiada satu pun yang Kami lupakan di dalam Kitab, kemudian kepada Tuhannya mereka dikumpulkan."* (al-An'am,6: 38)



VIDEO yang tular seorang lelaki menembak seekor monyet dalam media sosial, baru-baru ini. – GAMBAR MEDIA SOSIAL

Adakah anda pencinta haiwan? Kalau bukan, ini tidak bermakna anda boleh melakukan sesuka hati kepada haiwan. Macam manusia jugalah, kalau tidak suka atau mencintai seseorang itu, tak payah kacaulah. Biarkan saja. Tak akan itu pun tak faham.

Pernah seorang kawan memberitahu saya, semasa dia memandu di sebatang jalan besar ditemani anak-anaknya, tiba-tiba di laluan paling kanan sebuah kereta berhenti. Seperti tidak percaya, apa yang dilihat, orang itu mencampakkan dua ekor kucing di tengah jalan. Kawan saya itu, tidak boleh menghentikan kenderaannya dengan mengejut untuk menyelamatkan haiwan itu kerana banyak kereta lain di belakang. Apa jadi dengan kucing itu? Dia pun tidak tahu.

Saya rasa agak tertekan mendengar cerita-cerita sebegini. Kenapa tidak ambil nombor plat kereta orang yang buang kucing itu? Elok diviralkan dalam media sosial supaya si pelaku dapat ditangkap.

Kenapa membuang kucing di tengah jalan sesak? Penyakit kemurungan apakah yang dialami oleh orang ini? Kalau hendak buang pun, tak bolehkah buang di tempat yang selamat. Berhampiran kedai makan misalnya? Akal letak di mana?

Jadi memang patutlah kes penderaan haiwan ini di negara ini dilayan sama rata dengan jenayah lain. Sama seperti jenayah yang melibatkan nyawa dan keselamatan manusia. Kalau dipandang remeh, akan menjadi-jadi pula.

Apa hukuman kepada si pendera haiwan di negara ini? Di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2017, sesiapa yang didapati bersalah melakukan penderaan atau kekejaman ke atas haiwan boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

Hukuman ini sudah cukupkah? Bagi saya soal cukup atau tidak, itu soal kedua, yang penting orang yang melakukan penderaan ini harus dibawa ke pengadilan dan dihukum. Bukan dibiarkan menggila.

Memanglah tidak berbaloi orang yang menembak seekor monyet atau memasukkan kucing bunting di dalam mesin basuh cuma dihukum denda atau penjara dalam tempoh yang singkat, kalau boleh ramai mahu si pendera merasa sendiri kesakitan yang dilalui oleh haiwan yang menjadi mangsa. Itu undang-undang dunia, mungkin terlepas sengsara itu, akhirat boleh lepas?

Jadi, apa yang kita boleh bantu? Laporkanlah sebarang kejadian penderaan haiwan yang kita nampak. Nak harap manusia kejam dan tidak berakal sebegini tiba-tiba jadi baik dan bijak, jangan berharap.